

Negara dengan Ekonomi Membangun

Malaysia

Jonathan Rowell



HEADSTART

NEGARA DENGAN EKONOMI MEMBAN

China
India
Malaysia

Korea Selatan
Vietnam

Kulit depan: Nelayan memperbaiki jala berhampiran Kuala Terengganu.

Halaman tajuk: Gunung Kinabalu di Sabah. Pemandangan yang sungguh cantik ini hendaklah dikekalkan.

Halaman kandungan: Kumpulan budak Melayu bermain dipadang.

Penghargaan gambar:

Semua gambar dalam buku ini diambil oleh Jimmy Holmes kecuali oleh Allan Flachs 41, 43; Ole Steen Hansen 3, 4, 17.

Ilustrasi oleh Peter Bull.

Editor siri: Paul Mason

Editor projek: Katie Orchard

Editor Buku: Penny McDowell

Pereka bentuk Buku: Mark Whitchurch dan Malcolm Walker

**Teks bahasa Melayu
diterbitkan oleh**
Headstart Publishers Limited
3/4 Sentinel Square,
Brent Street,
London NW4 2EN, England

Headstart Publishing
(M) Sdn. Bhd.
47, SS 18/6,
47500 Subang Jaya,
Selangor, Malaysia

© Hakcipta 1997 Headstart
Publishers Limited

ISBN 1-899632-15-8

**Pertama kali diterbitkan pada 1996
oleh**
Wayland (Publishers) Limited
61 Western Road, Hove, East
Sussex BN3 1JD, England

Teks Bahasa Inggeris
© Hakcipta 1996 Wayland
(Publishers) Limited


Teks Bahasa Melayu
diterjemahkan oleh
Institut Terjemahan Negara
Malaysia Berhad

M

900974

Kandungan

Pengenalan	4
Tanah dan alam sekitar	8
Pengangkutan	14
Pelbagai kaum di Malaysia	19
Sumber pertanian dan sumber asli	24
Ekonomi yang membangun	31
Masa lapang dan pelancongan	38
Masa depan – ‘Wawasan 2020’	44
Glosari	46
Maklumat lanjut	47
Indeks	48



Pengenalan

Malaysia ialah sebuah negara yang kompleks kerana ia terdiri daripada dua bahagian dan seterusnya dibahagikan pula kepada tiga wilayah yang berasingan. Malaysia Barat ialah sebuah kawasan yang panjang dan dikenali sebagai Semenanjung Malaysia yang dikelilingi oleh Laut China Selatan. Malaysia Timur terdiri daripada negeri Sabah dan Sarawak, dan membentuk jalur dan sepanjang pantai utara pulau Borneo, sepanjang 700 km merentasi Laut China Selatan. Negeri-negeri di Semenanjung Malaysia serta Sabah dan Sarawak membentuk Persekutuan Malaysia.

Malaysia ialah sebuah negara yang kontras. Di Malaysia Timur, kaum pribumi masih tinggal di kawasan hutan, manakala di Malaysia Barat pula, kehadiran bandar yang moden adalah perkara biasa dan gaya hidup penduduknya serupa dengan gaya hidup penduduk di Eropah dan Amerika Syarikat.

Malaysia terletak di tengah-tengah Asia. Ini bermakna bahawa ia berada di laluan perdagangan yang utama di benua Asia. Inilah yang menyebabkan terdapatnya banyak kaum di sini dengan kaum etniknya, orang Melayu hidup bersama-sama orang Cina dan orang India di samping kaum pribumi yang lain.

Di tengah-tengah Kuala Lumpur, blok pejabat yang tinggi berdiri tegak di belakang bangunan lama zaman penjajah – satu peninggalan zaman silam di Malaysia.

BENDERA MALAYSIA

Bendera Malaysia telah digunakan sejak Malaysia mencapai kemerdekaan daripada Britain pada tahun 1957. Empat belas jalur dan empat belas titik pada bintang, seakan-akan bumbung masjid negara di Kuala Lumpur, mewakili empat belas negeri asal di Malaysia. Apabila Singapura keluar dari Persekutuan Malaysia pada tahun 1965, titik dan jalur untuk Singapura itu kini mewakili ibu negara Malaysia, iaitu Kuala Lumpur. Bulan sabit di sebelah bintang ialah lambang agama Islam, iaitu agama rasmi Malaysia. Warna kuning pula ialah warna rasmi diraja, manakala warna biru melambangkan perpaduan pelbagai kaum di Malaysia. Warna merah serta putih pula ialah warna tradisional Malaysia.



MALAYSIA SEPINTAS LALU

Keluasan:	329,758 km ²
Bahasa Rasmi:	Bahasa Melayu
Penduduk:	19.5 juta
Kepadatan Penduduk:	54 orang bagi setiap km ²
Ibu negara:	Kuala Lumpur
Mata wang:	Ringgit Malaysia
Agama Rasmi:	Islam
Tahun Kemerdekaan:	1957
Perdana Menteri:	Dr Mahathir Mohammed


Sumber: *The Financial Times*, 1995



Atas Tiga belas negeri di Malaysia.



LAUT CHINA SELATAN



Orang Melayu membentuk 47 peratus daripada jumlah penduduk Malaysia dan mereka diberi keutamaan dalam masyarakat Malaysia. Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang kali pertama diperkenalkan pada awal tahun 1970-an, memberi manfaat kepada orang Melayu dengan membantu mereka mendapatkan pekerjaan, memberi hak istimewa memiliki tanah dan menyarankan agar pendidikan menengah diajar dalam bahasa Melayu, bahasa ibundanya.